

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

HGM 432 Analisis Demografik

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi ENAM(6) soalan dalam EMPAT(4) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan, SOALAN NO. 1 MESTI dijawab dan TIGA(3) soalan yang lain. Setiap soalan memberikan 25 markah.

1. Tuliskan nota mana-mana tiga(3) daripada yang berikut:
- (a) Bezakan di antara analisis demografi dan pengajian kependudukan;
 - (b) Kesuburan dan panjang min generasi;
 - (c) Kadar-kadar dan nisbah-nisbah dalam demografi;
 - (d) Penggunaan jadual hayat dalam kajian kematian;
 - (e) Perangkaan penting dan banci penduduk.
- (25 markah)

2. Berikut adalah data jumlah penduduk Semenanjung Malaysia menurut kumpulan umur 1973. Berdasarkan data ini jawab soalan-soalan berikut.

<u>Kumpulan Umur</u>	<u>Bil. Penduduk</u>
0 - 4	1,393,285
5 - 9	1,359,877
10 - 14	1,305,443
15 - 19	1,108,284
20 - 24	878,417
25 - 29	648,643
30 - 34	531,303
35 - 39	491,028
40 - 44	390,672
45 - 49	342,651
50 - 54	285,658
55 - 59	244,194
60 - 64	195,850
65 - 69	150,411
70 - 74	85,550
75 +	90,865

(a) Hitungkan umur median penduduk Semenanjung Malaysia 1973.

(10 markah)

(b) Apakah faktor-faktor yang mesti diambil kira dalam perhitungan umur median.

(5 markah)

(c) Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi umur median dan struktur umur.

(10 markah)

3. Kaji data-data berikut dan jawab soalan-soalan di bawahnya.

Semenanjung Malaysia, 1975				
Kumpulan Umur	Bilangan Penduduk Perempuan	Bilangan kelahiran	Bilangann Kelahiran Perempuan	Nisbah Orang-Orang Yang Hidup
15 - 19	588,105	28,502*	13,905*	0.9950
20 - 24	489,272	95,156	46,286	0.9939
25 - 29	375,523	92,754	44,958	0.9920
30 - 34	273,885	52,031	25,568	0.9888
35 - 39	265,658	33,604	16,381	0.9857
40 - 44	211,770	9,918	4,897	0.9798
45 - 49	182,951	1,634*	830*	0.9675

* Ini termasuk bilangan kelahiran wanita 10 - 14 tahun dan 50 tahun ke atas.

(a) Hitungkan kadar kesuburan umum, kadar jumlah kesuburan dan kadar pembiakan bersih.

(10 markah)

(b) Apakah faktor-faktor yang mesti diberi perhatian dalam perhitungan di atas.

(5 markah)

(c) Berdasarkan jawapan yang anda perolehi pada (a) apakah tafsiran yang anda fahami mengenai kesuburan di Semenanjung Malaysia, 1975.

(10 markah)

4. Berikut adalah peratus wanita Melayu belum berkahwin menurut kumpulan umur di Semenanjung Malaysia, 1980.

Kumpulan Umur	Peratus Belum Berkahwin
15 - 19	89.5
20 - 24	48.6
25 - 29	17.2
30 - 34	7.9
35 - 39	3.8
40 - 44	2.2
45 - 49	1.73
50 - 54	1.2

Handwritten calculations:
 $160 - 1.45 = 98.55$
 $2288 = 98.55$
 23.314
 $172.1 \times 5 = 860.5$
 $1500 - 2360.5 = -2360.5$
 $1.73 \times 2 = 1.45 \times 50 = 72.5$
 $172.1 \times 5 = 2288$

(a) Hitungkan umur min singulate bujang semasa perkahwinan wanita Melayu 1980.

(10 markah)

(b) Nyatakan andaian-andaian yang mesti anda buat semasa perhitungan tersebut.

(5 markah)

(c) Berikan sebab-sebab kenapa angkubah-angkubah wanita belum berkahwin, perkahwinan, dan perceraian sangat penting dalam kajian kesuburan.

(10 markah)

5. (a) Diketahui pada tahun 1970 penduduk Sarawak berjumlah 976,269 orang dan pada tahun 1980 meningkat kepada 1,235,600 orang. Berdasarkan data-data ini jawab soalan-soalan berikut:

i. Hitungkan kadar pertumbuhan penduduk exponential Sarawak bagi tempoh tersebut.

(8 markah)

ii. Dengan menganggap pertumbuhan penduduk Sarawak adalah linear hitungkan jumlah penduduknya pada tahun 1985

(7 markah)

- (b) Dengan memberikan contoh-contoh bezakan di antara unjuran, ramalan dan anggaran penduduk di dalam sesebuah negara.

(10 markah)

6. SAMA ADA

- (a) Dengan memberikan contoh-contoh yang khusus, bincangkan dua teknik yang boleh digunakan bagi menganggarkan migrasi dalaman di dalam sesebuah negara.

(25 markah)

ATAU

- (b) Bincangkan dengan terperinci dua kaedah penilaian keberkesanan program perancang keluarga ke atas kesuburan. Tumpukan perbincangan anda kepada jenis-jenis data yang diperlukan, aplikasi kaedah dan kesan setiap kaedah ke atas kesuburan.

(25 markah)

-ooo000ooo-